

### SEMINAR PERCUKAIAN KEBANGSAAN 2025 PERJELAS INISIATIF CUKAI LANGSUNG YANG DIBENTANGKAN DALAM BELANJAWAN 2026

Cyberjaya, 14 Oktober 2025 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) telah menganjurkan Seminar Percukaian Kebangsaan (SPK) 2025 sebagai medan bagi menjelaskan secara terperinci setiap inisiatif berkaitan cukai langsung yang dibentangkan dalam Belanjawan 2026 baru-baru ini.

Siri Pembukaan SPK 2025 telah berlangsung secara hibrid iaitu bersemuka di Menara HASiL Cyberjaya, Selangor dan dalam talian melalui aplikasi zoom dengan kehadiran seramai hampir 3,600 orang peserta yang terdiri daripada pegawai Kementerian Kewangan Malaysia, pegawai HASiL, pengamal percukaian, ahli badan profesional, ahli akademik dan orang ramai.

Majlis perasmian SPK 2025 telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL dan turut dihadiri oleh YBrs. Encik John Patrick Antonysamy, Setiausaha Bahagian Cukai, merangkap Anggota Lembaga LHDNM, YBhg. Datuk Noor Azian Abdul Hamid, Anggota Lembaga LHDNM, YBrs. Encik Soh Lian Seng, Presiden Chartered Tax Institute Malaysia (CTIM), YBhg. Dato'

Hj. Abd. Aziz Abu Bakar, Presiden Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (M.A.T.A) serta barisan pengurusan kanan HASiL.

Penganjuran SPK yang kini memasuki siri ke-43 pada tahun ini, menampilkan pendekatan berbeza, iaitu ia diadakan di lima (5) lokasi: **Siri 1 (Pembukaan)** diadakan secara **hibrid**, manakala **Siri 2 hingga 5** akan diadakan jerayawara (roadshow) secara bersemuka sepenuhnya di Johor, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah.

Tiga topik utama yang diketengahkan pada seminar kali ini dikupas oleh pembentang dan ahli panel yang berpengalaman terdiri daripada pegawai kanan dari Kementerian Kewangan Malaysia, HASiL, CTIM dan M.A.T.A iaitu:

- a. **Cadangan Belanjawan 2026**
- b. **e-Invois: Persediaan Strategik Ke Arah Pematuhan Mandatori**
- c. **Transformasi Digital Sistem Taksir Sendiri Cukai Keuntungan Harta Tanah dan Duti Setem**

Pendaftaran seminar bagi siri di Johor, Sarawak dan Sabah masih dibuka menerusi portal SPK di <https://spk.hasil.gov.my>. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berkaitan seminar ini boleh dirujuk pada portal tersebut atau dikemukakan kepada pihak Urus Setia SPK 2025 di [spkhasil@hasil.gov.my](mailto:spkhasil@hasil.gov.my).

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**

**RISE BEYOND LIMITS**

---

**Dikeluarkan oleh:**

**Jabatan Khidmat Korporat**  
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**  
Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)  
Portal Rasmi: [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 14 Oktober 2025**



YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) HASiL menyampaikan ucapan perasmian sempena Seminar Percukaian Kebangsaan (SPK) 2025.



YBrs. Puan Rosnita Ahmad, Ketua Pegawai Dasar Percukaian, salah seorang pembentang sesi SPK 2025 pada hari ini.



Sebahagian peserta yang hadir memeriahkan SPK 2025 di Menara Hasil, Cyberjaya.